

SEMINAR HIROSHIMA DAN NAGASAKI 2006.

9 OGOS 2006

1. **Objektif**
 - i) Untuk mengujudkan kesedaran masyarakat terhadap penggunaan teknologi nuklear dalam pembangunan negara
 - ii) Untuk membincangkan perkembangan semasa dalam pendidikan, penyelidikan dan teknologi nuklear.
 - iii) Meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap teknologi nuklear untuk kelestarian pembangunan ummah.

2. **Latarbelakang** Persatuan Nuklear Malaysia (MNS) adalah badan (persatuan) bukan kerajaan yang mempunyai matlamat dan kegiatan seperti berikut:

Matlamat

Matlamat Persatuan ialah seperti berikut:

- (a) untuk menggalakkan kemajuan dan penyebaran pengetahuan sains dan teknologi nuklear.
- (b) memberi pandangan dan nasihat membina yang bebas dalam hal berkaitan dengan sains dan teknologi nuklear.
- (c) menggalakkan kerjasama di antara ahli dan di antara mana-mana badan yang mempunyai tujuan yang serupa.

Kegiatan

Kegiatan Persatuan ialah seperti berikut:

- (a) mengadakan mesyuarat, majlis perbincangan, syarahan awam, seminar, forum, dan majlis-majlis yang seumpamanya yang berkaitan dengan sains dan teknologi nuklear serta isu-isu yang berkaitan dengannya.
- (b) menerima dan memohon yuran dan sumbangan berbentuk wang atau lain-lain daripada orang perseorangan dan organisasi-organisasi lain dengan syarat mendapat kebenaran daripada pihak tertentu untuk matlamat-matlamat di atas, atau sebahagian daripadanya, dan untuk mewujudkan tabung bagi tujuan yang sama.
- (c) mengadakan kegiatan-kegiatan lain yang tidak bercanggah dengan undang-undang bagi tujuan mencapai matlamat di atas.

Salah satu sejarah penting dalam tamaddun manusia yang perlu diambil iktibar dan pengajaran oleh masyarakat Malaysia adalah peristiwa pengeboman Hiroshima dan Nagasaki. Hiroshima dan Nagasaki adalah dua bandar di Jepun yang telah dibom menggunakan hasil dari penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear - bom yang kini dikenali sebagai 'bom atom' atau 'bom nuklear'. Tarikh pengeboman Hiroshima adalah pada 6 Ogos 1945, manakala Nagasaki pula pada 9 Ogos 1945. Kesan ledakan kedua-dua bom ini telah memberi tamparan dan gambaran yang amat menggerunkan kepada manusia tentang kuasa pemusnah dan kesan sampingan selepasnya, iaitu dedahan kepada sinaran radioaktif. Ekoran dari ini, perlumbaan penciptaan senjata nuklear berterusan sehingga hari ini. Kini bom yang dicipta mempunyai kekuatan beratus kali ganda berbanding dengan yang telah digugurkan di

Jepun. Senjata nuklear adalah salah satu hasil yang diterokai oleh manusia dalam bidang nuklear. Walau bagaimanapun, pengetahuan sains dan teknologi nuklear secara sedar atau tidak telah turut menyumbangkan kepada tamadun serta peradaban manusia sejagat, Antara kegunaan teknologi ini adalah dalam bidang perubatan (radiodiagnosis dan radioterapi), bidang pertanian serta dalam penjanaan tenaga elektrik. Sungguhpun begitu kesan negatif bom nuklear lebih banyak membayangi sumbangan terkini teknologi nuklear ini untuk kesejahteraan hidup. Oleh yang demikian MNS rasa bertanggungjawab untuk memberi penjelasan dan kesedaran kepada masyarakat Malaysia agar melihat isu nuklear ini dengan lebih menyeluruh, iaitu dengan melihat kedua-dua aspek kebaikan dan keburukannya. MNS secara konsisten menggembeling tenaga ahli-ahlinya untuk mendokong usaha penggunaan teknologi nuklear secara aman kepada rakyat Malaysia dan manusia sejagat. Program yang diatur ini dijangka dapat memberi gambaran umum status terkini teknologi nuklear yang telah dimanfaatkan oleh manusia secara lansung atau tidak lansung. Ianya dijayakan dengan mendatangkan penceramah-penceramah yang akan menyentuh pelbagai aspek merangkumi pengalaman rakyat tempatan ketika peristiwa pengeboman, status terkini penyelidikan dan penggunaan teknologi nuklear di Malaysia serta polisi negara membabitkan penggunaan teknologi nuklear untuk keamanan.

3. Kelompok sasaran

Semua lapisan masyarakat termasuk professional (awam dan swasta), ahli akademik, pendidik, pembuat dasar, duta negara asing dan pelajar.

Bilangan disasar - 300 orang

4. Tema

Nuklear Untuk Kelestarian Pembangunan

Tema kali ini dipilih untuk menyedarkan masyarakat bahawa di sebalik kemusnahan hasil salah guna teknologi nuklear, terdapat aspek penggunaan teknologi nuklear secara aman. Ia dapat dilihat dari peningkatan taraf hidup penduduk dunia dengan penggunaan teknologi nuklear.

5. Program

Sila lihat Lampiran I.

6. Implikasi kewangan

Tempat –	RM 2,000
Jamuan –	RM 4,500
Publisiti -	RM 500
Cenderahati –	RM 1,500
Fail & buku program –	RM 1,000
Pameran -	RM 1,500

Jumlah – RM10,500 (anggaran)

7. Cadangan kerjasama

Organisasi yang akan terlibat:

- i) MNS – koordinasi dan promosi penyertaan (sekolah, jabatan kerajaan dan kedutaan)
- ii) UKM - penceramah ucaptama, lokasi, bahan pameran
- iii) MINT- bahan pameran dan penceramah.
- iv) Kedutaan Jepun - bahan pameran dan risalah berkaitan.
- v) Syarikat - tajaan kewangan/promosi.

8. Jawatankuasa Penganjur

Induk:

MNS: Dr. Nahrul Khair Alang Md Rashid, Presiden

UKM: Prof Dr. Abdul Jalil Abdul Kadir, Dekan FST, UKM.

Pelaksana:

MNS- Dr. Zaini Hamzah - Pengerusi bersama (MNS)

Prof. Madya Dr. Muhamad Samudi Yasir– Pengerusi bersama (UKM)

Dr. Abdul Aziz Mohamed - S/usaha MNS

Cik Hani Azlin Hussin Shaukal (UKM)

Prof. Madya Dr. Amran Ab Majid (UKM/MNS)

Prof. Madya Dr. Che Abd. Rahim Mohamed (UKM/MNS)

Faridah Mohd Idris - Pen. S/usaha MNS

Mohd Hairul Faizal b Ahmad (UKM)

Rosli Yahya (UKM)

9. Rumusan

Program ini adalah program kali ke 5 (kali pertama 6 Ogos 2002 di Dewan Bahasa dan Pustaka, kali kedua 6 Ogos 2003 di KUTPM, kali ketiga 9 Ogos 2004 di Universiti Malaya, kali keempat 9 Ogos 2005 di UiTM) yang dianjurkan oleh MNS. Melalui program ini diharapkan masyarakat umum akan lebih memahami pelbagai isu yang membabitkan teknologi nuklear terutamanya dalam pembangunan tamaddun dan sosio-ekonomi masyarakat. Juga diharapkan masyarakat umum Malaysia akan lebih objektif dalam menentukan baik-buruknya sesuatu teknologi itu berdasarkan ilmu dan fakta dan tidak membuat kesimpulan semata-mata berdasarkan kepada emosi atau ketidakfahaman perkara sebenar. Oleh yang demikian, kerjasama pelbagai pihak amat diharapkan akan memberi impak yang berkesan kepada masyarakat. Untuk kali keenam ini, MNS memohon kerjasama, sokongan dan bantuan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, sebagai satu-satunya IPTA yang menawarkan kursus khusus dalam bidang Sains Nuklear.

Lampiran 1**Cadangan Seminar Hiroshima & Nagasaki 2006**

Tema: Nuklear untuk kelestarian pembangunan

Objektif:

- iv) Untuk mengujudkan kesedaran masyarakat terhadap penggunaan teknologi nuklear dalam pembangunan negara
- v) Untuk membincangkan perkembangan semasa dalam pendidikan, penyelidikan dan teknologi nuklear.
- vi) Meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap teknologi nuklear untuk kelestarian pembangunan ummah.

Tarikh	: 9 Ogos 2006 (Rabu)
Masa	: 9.00 pagi – 1.00 tengah hari
Tempat	: Dewan Bestari UKM

Masa	Aturcara majlis
08.30 – 09.00 pagi	Pendaftaran / tayangan video
9.00 – 10.00 pagi	Upacara perasmian oleh Yg Bhg Prof Dato' Dr. Mohd. Salleh Mohd. Yasin (Naib Canselor UKM)
10.00 – 10.30 pagi	Jamuan Ringan
10.30 pagi – 12.00 tengah hari	<p>Sesi I: Ucaputama</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peguasaan teknologi nuklear sebagai penjana ilmu pengetahuan sains global <i>(Prof. Datuk Dr Sukiman Sarmani, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)</i> • Pendidikan dan Teknologi nuklear untuk kelestarian pembangunan ummah. <i>(Datuk Dr. Noramly Muslim, Pengerusi Lembaga, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom / AELB)</i> • Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) kea rah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap manfaat teknologi nuclear. <i>(Dr. Nahrul Khair Alang Md Rashid, Presiden Persatuan Nuklear Malaysia)</i>
12.00 - 12.30 tengah hari	Soaljawab dan perbincangan

HARI HIROSHIMA DAN NAGASAKI 2006

CADANGAN AJK DALAM UKM

Penaung: Prof Dr. Abdul Jalil Abdul Kadir

Penasihat: Prof Dr. Aminah Abdullah

Pengerusi: Prof Madya Dr Muhamad Samudi Yasir

Setiausaha: Cik Hani Azlin Bt Hussin Shaukat (Pegawai Sains FST ex 3324)

Bendahari: Prof Madya Dr Amran Ab Majid

AJK:

1. Prof Madya Dr Che Abdul Rahim Mohamed
2. Prof Madya Dr Zaini Hamzah (Wakil MNS/UiTM)
3. Dr Abdul Aziz Mohamed (Wakil MNS/MINT)
4. Cik Faridah Mohd Idris (Wakil MNS/MINT)